

PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA TAMPAR INSTUN 2025

8 Oktober 2025, Tanjong Malim- INSTUN telah mengadakan Perlawanan Persahabatan Bola Tampar bersama Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Muallim serta Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) di Gelanggang Sukan PDT Muallim.

Kategori lelaki menyaksikan saingan sengit antara INSTUN dan PDT Muallim, dengan pasukan INSTUN akhirnya menamatkan perlawanan dengan kemenangan tipis 3–2. Sementara itu, kategori wanita menyaksikan pasukan INSTUN beraksi penuh semangat menentang PSAS namun tewas 0–2.

Selain menggalakkan gaya hidup sihat, perlawanan ini turut menjadi platform untuk mengeratkan hubungan antara jabatan. Majlis turut diserikan dengan sesi penyerahan pendant cenderamata daripada pihak INSTUN kepada wakil PDT Muallim yang disempurnakan oleh Pengarah INSTUN, Tuan Khairin Nazry bin Karim.

Menariknya, perlawanan ini turut disiarkan secara live di laman Facebook rasmi INSTUN bagi membolehkan warga INSTUN yang lain turut sama menyaksikan aksi penuh semangat ini.

Semangat kesukanan dan kerjasama yang ditunjukkan jelas menggambarkan nilai positif warga INSTUN dalam mengukuhkan jaringan komuniti.

Tahniah dan terima kasih kepada kesemua pemain yang telah menyertai perlawanan tersebut.



